



KENYATAAN AKHBAR

CLAB BERSEDIA URUS KEMASUKAN PEKERJA BINAAN ASING, KURANGKAN ISU LAMBAKAN

KUALA LUMPUR, 4 MAC 2024 – Construction Labour Exchange Centre Berhad (CLAB) bersedia untuk menguruskan sepenuhnya pengambilan pekerja binaan asing di Malaysia, bagi mengurangkan masalah lambakan pekerja di dalam industri pembinaan.

Selain pengambilan pekerja, CLAB juga menguruskan pertukaran pekerja daripada majikan yang tidak lagi memerlukan pekerja, kepada majikan yang memerlukannya. CLAB juga turut terlibat dalam program meregularisasikan Pekerja Asing Tanpa Izin di negara ini dibawah Program Rekalibrasi. CLAB yang merupakan anak syarikat Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) bersedia memainkan peranannya dalam kemasukan dan pertukaran pekerja asing dan memastikan pekerja-pekerja tersebut memenuhi semua peruntukan undang-undang dan peraturan yang berkaitan.

Selain mengurus pengambilan dan pertukaran pekerja binaan asing, CLAB juga sedang menelusuri beberapa usahasama dalam penyediaan CLQ (Centralised Labour Quarters – Pusat Penginapan Pekerja Berpusat) yang bertempat di Kuala Lumpur, Selangor, Johor, Pulau Pinang dan Negeri Sembilan.

“Bagi memastikan pekerja binaan yang disediakan berupaya menjalankan kerja-kerja mengikut keperluan majikan, CLAB juga turut mengadakan temuduga dan ujian fizikal terhadap pekerja binaan asing termasuk mengangkat besi, memotong kayu, dan juga ujian kecergasan yang lain,” kata Ketua Eksekutif CLAB, En Abdul Rafik Bin Abdul Rajis.

Menurutnya, CLAB juga memperkenalkan aplikasi E-biodata bagi memberi kemudahan kepada kontraktor untuk membuat pemilihan biodata pekerja asing yang memenuhi kriteria yang diperlukan seperti maklumat lengkap individu dan butiran pengalaman pekerja.

Antara program lain yang telah disediakan oleh CLAB termasuk Program Ekspratriat, Program Perantisan bersama Akademi Binaan Malaysia (ABM) dan platform mencari kerja secara percuma untuk industri pembinaan, www.jobskillz.my.

Majlis Sambutan Ulang Tahun ke 20 CLAB telah dirasmikan oleh **Datuk Seri Ahmad Maslan**, Timbalan Menteri Kerja Raya. Turut hadir ialah **Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam Hj. Ahmad**, Ketua Setiausaha (KSU) merangkap Pengerusi CLAB, **Ir. Hj. Yusuf Bin Hj Abd. Wahab**, Pengerusi CIDB Malaysia, **Dato' Sr Mohd Zaid Zakaria**, Ketua Eksekutif CIDB Malaysia dan **Abdul Rafik Bin Abdul Rajis**, Ketua Eksekutif CLAB.

Sambutan Ulang tahun yang ke 20 CLAB yang diadakan di sini telah dihadiri seramai 80 orang jemputan yang terdiri daripada rakan strategik, persatuan-persatuan pembinaan dan penggiat industri pembinaan yang juga merupakan pemegang taruh CLAB.

Untuk Keterangan lanjut, sila layari www.clab.com.my

INFORMASI

CLAB merupakan singkatan bagi Construction Labour Exchange Centre Berhad. Ia merupakan sebuah organisasi yang ditubuhkan oleh CIDB selaras dengan keputusan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pengambilan Pekerja Asing (JKK-PA) pada tahun 2003 untuk membawa masuk dan mengagihkan semula pekerja asing untuk syarikat atau organisasi pembinaan di Malaysia.
